

# DIPHENDRYL EXPECTORANT

Diphenhydramine Hydrochloride/ Ammonium Chloride (14mg/135mg per 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Diphendryl Expectorant
2. Bagaimana Diphendryl Expectorant berfungsi
3. Sebelum mengambil Diphendryl Expectorant
4. Cara menggunakan Diphendryl Expectorant
5. Semasa menggunakan Diphendryl Expectorant
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Diphendryl Expectorant
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Diphendryl Expectorant

Diphendryl Expectorant digunakan untuk melegakan batuk dan hidung tersumbat akibat selesema, demam selesema, alahan atau keradangan saluran pernafasan.

## Bagaimana Diphendryl Expectorant berfungsi

Diphenhydramine Hydrochloride adalah antihistamin dengan kesan sampingan mengantuk dan pengeringan. Ia berfungsi dengan menyekat bahan semulajadi badan (*histamine*) yang dihasilkan semasa tindakbalas alergi/alahan.

Ammonium Chloride dengan tindakan refleks, merengsakan lapisan gastrik dan meningkatkan jumlah rembesan dalam saluran pernafasan; mengurangkan kelikatan kahak yang memudahkan untuk dikeluarkan (batuk).

## Sebelum mengambil Diphendryl Expectorant

### Bila tidak boleh mengambil:

- Jika anda mempunyai alahan kepada diphenhydramine atau ammonium chloride atau mana-mana bahan dalam produk ini.
- Jika anda menyusukan anak.
- Kanak-kanak kurang daripada 2 tahun.
- Jika anda sedang atau telah mengambil MAOI (monoamine oxidase inhibitor) untuk merawat kemurungan dalam masa 14 hari.

- Jika anda mempunyai alahan kepada ubat-ubatan yang serupa.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum anda mengambil mana-mana ubat.

### Sebelum mula mengambil:

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda ada alahan terhadap sebarang ubat, makanan, bahan pengawet atau pewarna.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda hamil atau merancang untuk hamil atau menyusukan bayi semasa rawatan.

Jika digunakan untuk batuk dan selsema:

- a) Tidak boleh digunakan untuk kanak-kanak berumur bawah 2 tahun
- b) Digunakan dengan berhati-hati dengan nasihat doktor/ ahli farmasi untuk kanak-kanak berumur 2 hingga 6 tahun.

Beritahu doktor anda jika anda mengalami:

- Peningkatan tekanan yang mendadak di mata.
- Lubang pada perut atau duodenum.
- Kelenjar tiroid terlalu aktif.
- Penyakit jantung dan saluran darah.
- Tekanan darah tinggi.
- Asma.
- Halangan gastrik dan duodenum.

Doktor atau ahli farmasi anda akan berbincang dengan anda mengenai risiko-risiko dan faedah-faedah yang ada.

### Jika mengambil ubat-ubat lain:

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan, ini termasuk ubat yang diperolehi tanpa preskripsi. Doktor anda mungkin perlu menukar dos ubat-ubat anda yang lain atau mengambil langkah berjaga-jaga yang lain. Dalam sesetengah kes, anda mungkin perlu menghentikan pengambilan salah satu ubat. Ini terutamanya kepada ubat-ubat yang

disenaraikan di bawah yang diambil bersama-sama dengan Diphendryl Expectorant :

- Ubat penenang.
- Sedatif-hipnotik.
- Penekan sistem saraf pusat termasuk alkohol.
- MAOIs (monoamine oxidase inhibitor).

## Cara menggunakan Diphendryl Expectorant

### -Berapa banyak harus digunakan

Ikuti dengan berhati-hati segala arahan yang diberikan oleh ahli farmasi atau doktor anda. Arahan tersebut mungkin berbeza dari maklumat dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak memahami arahan yang bertulis pada label botol, bertanyalah dengan ahli farmasi, jururawat atau doktor anda untuk menerangkan kepada anda arahan tersebut.

### -Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 5ml – 10ml

Kanak-kanak lebih daripada 2 tahun: 2.5ml hingga 5ml atau seperti yang diarahkan oleh doktor.

### -Bila perlu digunakan

Ubat ini perlu diambil 3 – 4 kali sehari jika perlu.

### -Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda kecuali anda mengalami sebarang masalah. Untuk kes ini, periksa dengan doktor anda.

### -Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa mengambil satu dos, jangan risau. Ambil dos tersebut sebaik sahaja anda mengingatinya dan teruskan seperti biasa. Jika anda tidak mengambil dos anda untuk satu hari, ambil dos biasa anda pada hari seterusnya. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang telah dilupa.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital yang terdekat, jika anda atau

# DIPHENDRYL EXPECTORANT

Diphenhydramine Hydrochloride/ Ammonium Chloride (14mg/135mg per 5ml)

sesiapa sahaja yang menggunakan ubat ini secara berlebihan. Lakukan ini walaupun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

Tanda-tanda dan gejala-gejala terlebih dos termasuk:

- Penekanan sistem saraf pusat – mengantuk, sedasi, kewaspadaan mental berkurang, kehilangan aliran darah secara tiba-tiba ke otak dan organ lain.
- Rangsangan sistem saraf pusat – kesukaran tidur, keterujaan, khayalan, masalah koordinasi, pergerakan tidak terkawal, bergetar, sawan.
- Boleh juga menyebabkan pening, deringan di telinga, penglihatan kabur dan tekanan darah rendah.
- Rangsangan sistem saraf pusat diikuti dengan mulut kering, pembesaran anak mata yang kekal, demam memerah, gangguan perut and usus amat berkemungkinan berlaku pada kanak-kanak.

## Semasa menggunakan Diphendryl Expectorant

### -Perkara yang perlu dilakukan

Bercakap dengan ahli farmasi atau doktor anda jika gejala anda tidak bertambah baik. Ahli farmasi atau doktor anda akan menilai keadaan anda dan memutuskan sama ada anda perlu meneruskan pengambilan ubat tersebut.

Beritahu semua doktor, doktor gigi atau ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Diphendryl Expectorant.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Ubat ini dipreskripsi untuk anda. Jangan bagi ubat ini kepada orang lain. Ia mungkin membahayakan mereka, walaupun simptom-simptom yang mereka alami adalah sama dengan anda.

Jangan mengambil lebih daripada dos yang dicadangkan kecuali ahli farmasi atau doktor anda memberitahu anda.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

- Diphendryl Expectorant boleh menyebabkan kesan sampingan yang boleh menjelaskan pemikiran atau reaksi anda. Berhati-hati jika anda memandu, mengendalikan jentera atau melakukan apa sahaja yang memerlukan anda berjaga-jaga.
- Elakkan minum minuman beralkohol kerana ia boleh meningkatkan kesan sampingan diphenhydramine.

### Kesan-sesan sampingan

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda berasa tidak sihat semasa mengambil Diphendryl Expectorant. Ubat ini membantu kebanyakan orang tetapi ia juga mempunyai kesan sampingan pada sesetengah orang.

Semua ubat boleh memberi kesan sampingan. Kadang-kadang ianya serius tetapi selalunya tidak. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan sekiranya anda mengalami kesan-sesan sampingan tersebut.

Jangan bimbang terhadap kesan sampingan berikut. Anda mungkin tidak akan mengalaminya.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda perasan mana-mana gejala berikut dan ia membimbangkan anda:

- Kardiovaskular: Tekanan darah rendah, sakit kepala, berasa debaran jantung kuat, degupan jantung yang laju dan pengecutan pramatang jantung.
- Hematologi: Pemecahan sel darah merah tidak normal, platelet rendah dan kekurangan sel darah putih.
- Sistem Saraf Pusat: Rasa mengantuk, pening, gangguan koordinasi, keletihan, kekeliruan, kegelisahan, keterujaan, gementar, menggeletar, mudah marah, kesukaran untuk tidur, kegembiraan berlebihan, rasa mencucuk dan kesemutan, rasa berputar, deringan dalam telinga, *acute labyrinthitis* (radang telinga dalaman), radang saraf dan sawan.
- Oftalmik: Penglihatan kabur dan penglihatan berganda.

- Gastrostus: Ketidakselesaan epigastrik, hilang selera makan, loya, muntah, cirit-birit dan sembelit.
- Genitourinari: Kekerapan membuang air kecil, kesukaran untuk buang air kecil dan datang haid awal.
- Pernafasan: Kelikatan rembesan saluran udara, sesak dada, semput dan hidung tersumbat.
- Dermatologi: Ruam netel/ ruam kulit dan terlalu sensitif terhadap cahaya.
- Lain-lain: Seram sejuk, kekeringan mulut, hidung dan tekak.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau tindak balas alahan terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel.:03-78835549 atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Side Effects to Medicine (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*)

## Cara penyimpanan dan pelupusan Diphendryl Expectorant

### -Penyimpanan

Simpan di tempat kering bawah suhu 30°C. Lindungi dari cahaya. Jauhi daripada kanak-kanak.

### -Pelupusan:

Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat Lanjut

### -Rupa dan warna produk:

Larutan berwarna coklat gelap, berperisa raspberry dan mempunyai bau menthol.

### Bahan-bahan

#### -Bahan aktif:

Diphenhydramine Hydrochloride and Ammonium Chloride.

#### -Bahan-bahan tidak aktif:

Citric acid anhydrous, xanthan gum, glycerin, sodium citrate, sodium benzoate, sodium saccharin, sorbitol,

# DIPHENDRYL EXPECTORANT

Diphenhydramine Hydrochloride/ Ammonium Chloride (14mg/135mg per 5ml)

---

raspberry flavor, caramel, menthol dan  
purified water.

*-Nombor MAL*

MAL19871725AZ

**Pengilang dan Pemegang  
Pendaftaran Produk**

Royce Pharma Manufacturing Sdn.  
Bhd.  
PT 1663, Nilai Industrial Estate,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan,  
Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

09/08/2018

**Nombor Siri:**

NPRA(R4/1)090818/00235